

Nama: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nyatakan pernyataan di bawah dalam bentuk nisbah.

1. Di dalam sebuah kotak terdapat 50 biji guli merah dan 200 biji guli biru. Apakah nisbah bilangan guli merah kepada guli biru?

2. Kelas 6 Terbilang mempunyai 3 orang murid perempuan dan 10 orang murid lelaki. Apakah nisbah bilangan murid perempuan kepada semua murid di dalam kelas itu?

3. Bilangan buku cerita yang dibaca oleh Udin semasa cuti sekolah ialah 9 buah dan bilangan buku cerita yang dibaca oleh Idris pula ada 6 buah lebih daripada Udin. Nyatakan nisbah bilangan buku cerita yang dibaca oleh Idris kepada jumlah buku cerita yang dibaca oleh mereka.

4. Hadif membeli 5 bungkus roti perisa coklat dan 7 bungkus roti perisa jagung. 2 bungkus roti perisa coklat dan 5 bungkus roti perisa jagung dimakan oleh adik-adiknya. Nyatakan nisbah roti coklat yang tinggal kepada bilangan baki roti jagung.

5. Suhaimi ada 4 pen biru dan 2 pen hitam. Dia membeli 3 batang pen lagi bagi setiap warna. Nyatakan nisbah pen hitam kepada pen biru yang dimiliki oleh Suhaimi.

6. Terdapat sebanyak 120 batang pen dan 200 batang pembaris di dalam Kedai Alat Tulis Ariq. Berapakah nisbah semua alat tulis itu kepada bilangan pen?

7. Afiq membeli 5 bungkus nasi lemak dan 8 bungkus nasi ayam. Sebanyak 3 bungkus nasi lemak dan 2 bungkus nasi ayam telah dimakan. Berapakah nisbah bilangan bungkusan nasi lemak yang belum dimakan kepada jumlah kesemua bungkusan makanan yang dibeli?

8. Jarak dari Bandar S ke Bandar T ialah 30km. Jarak dari Bandar S ke Bandar U pula ialah 70km. Diberi bandar T terletak di antara Bandar S dan Bandar U. Cari nisbah jarak dari Bandar S ke Bandar T kepada jarak dari Bandar T ke Bandar U.

9. Adam menanam 30 batang pokok durian dan 25 batang pokok rambutan. Adam kemudiannya menanam lagi pokok rambutan dua kali ganda jumlah pokok rambutan asal. Berapakah nisbah pokok durian kepada kesemua pokok rambutan yang ada?